

Edisi

إديسي

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

• PENCETUS MINDA GENERASI •

Bil: 1/2020 • NASKHAH PERCUMA • www.mais.gov.my • No. ISSN: 2289 -635X



PEMBANGUNAN MUALLAF
DI SELANGOR

MS 3

Terbelakah Muallaf di Negeri Selangor

Lihat • ms/3 >>

BAGAIMANA
MEMELUK ISLAM

MS 4

RESOLUSI SEMINAR
ANTARABANGSA MUALLAF

MS 8

IMAM MUSLIM BIN HAJJAJ
ANAK MURID AL-BUKHARI
YANG GEMILANG

MS 18

Kata-Kata Hikmah

“Setiap sesuatu ujian itu anggaplah ia sebagai *Kaffarah* dosa, maka redha dengan ketentuan Allah swt itu dan mohonlah keampunan daripada Yang Maha Penyayang.”

Dr. Che Mad

Sumber Foto: Lembaga Zakat Selangor

Perutusan Setiausaha MAIS

Assalamualaikum WBT

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izinNya kita masih diberi peluang untuk teruskan kehidupan di muka bumi ini. Begitu juga terbitan Edisi MAIS masih diteruskan lagi pada tahun 2020 dengan info-info yang pasti berguna untuk masyarakat awam yang beragama Islam khususnya di Negeri Selangor.

Meneruskan Edisi MAIS ini dengan kata "Pencetus Minda Generasi", MAIS melalui kumpulan editorial Edisi MAIS terus menyajikan artikel-artikel yang bermanfaat serta menjadi rujukan masyarakat di Negeri Selangor. Dengan menyokong visi utama MAIS dalam mendaulatkan syiar Islam di Negeri Selangor ini, Edisi dijadikan sebagai wadah utama dalam menyediakan info-info islamik serta menyampaikan aktiviti-aktiviti semasa MAIS, jabatan-jabatan hal ehwal Islam Negeri Selangor, agensi serta anak syarikat MAIS.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas penyediaan Edisi MAIS ini yang sangat bermanfaat kepada masyarakat awam beragama Islam terutama di Negeri Selangor. Info-info ini juga akan disampaikan ke seluruh jabatan-jabatan di Negeri Selangor dan semua Jabatan Agama Islam Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri. InshaAllah.

Sekian, terima kasih.

DR. HAJI AHMAD SHAHIR BIN MAKHTAR A.I.S., P.J.K.
SETIAUSAHA MAIS



Sidang Editorial
EDISI

KETUA PENGARANG
Mohd Farid bin Baharon

PENGARANG
Noormala binti Mohd Saad

PENOLONG PENGARANG
Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR
Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF
Norzaili bin Taib

JURUFOTO
Shahrul Effendy bin Md Saat

KOLUMNIS
Hamizul bin Abdul Hamid
Halim bin Mokhtar
Siti Zurinah binti Zainal Abidin
Mohd Hafiz bin Abdul Salam
Ahmad Firdaus bin Muhammad
Hasal bin Senin

PEMBANGUNAN MUALLAF DI SELANGOR

Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Pengurus Perundingan Zakat, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)


Terbelakah Muallaf? Kita sering tersentuh dengan isu Muallaf. Mereka sering dikaitkan dengan gelandangan, kemiskinan, terlantar dan survival. Tidak sedikit Muallaf yang mengaku terabai. Nah, ia mengundang polemik. Perdebatan yang 'tak sudah'.

Sungguh, menyantuni Muallaf amat penting. Jika tidak, masakan Allah SWT meletakkan mereka di posisi ke-4 sebagai asnaf: "Sesungguhnya sedekah-sedekah itu (zakat) adalah untuk fakir, miskin, amil dan Muallaf.." (at-Taubah: 60)

Di negeri ini, Lembaga Zakat Selangor (LZS) bertanggung jawab menjaga Muallaf. Sesaat syahadah dilafazkan, mereka menjadi Muallaf. Jika mereka memerlukan, LZS bersedia menghulurkan tangan. Baik dari aspek sosial, ekonomi, pendidikan dan paling utama pembangunan insan, ia menjadi keutamaan.


LZS menyasarkan pembangunan Muallaf berjalan secara holistik. Sasarannya, selepas lima tahun, mereka sudah menjadi mukalaf (berdikari dan mampu menanggung syariat agama). Tempoh itu singkat, dan cabarannya juga hebat. Bagaimanakah LZS menanggapinya?

DASAR PEMBANGUNAN ASNAF (MUALLAF) 2019



Muallaf bukan hanya golongan dewasa. LZS turut melihat generasi kedua Muallaf (anak-anak). Malah, mereka ini lebih berpotensi. Dengan berpegang kepada prinsip melentur buluh sedari rebung, anak-anak lebih mudah ditempa mencipta kejayaan. LZS menerapkan elemen pendidikan, kemahiran, sikap dan nilai serta motivasi. Ia digambarkan seperti rajah berikut.

Rajah 1: Strategi Pembangunan Generasi Kedua



Syukurlah. Mengikut statistik 2019, seramai 11,652 Muallaf disantuni LZS. Sebanyak RM52.1 juta pula disalurkan, untuk keperluan hidup dan juga pembangunan diri. Muallaf yang tekun, boleh terus menyambung pengajian. LZS menyediakan biasiswa. Setakat ini ada 35 orang menyambung diploma, 28 ijazah pertama, dua orang sarjana dan enam orang calon doktor falsafah.

LZS juga menubuhkan Baitus Salam sejak 2019, khusus untuk menyediakan penempatan buat Muallaf yang memerlukan. Tahun 2019, 63 orang Muallaf mendapat manfaatnya. Pelbagai program turut diaturkan. Ia bagi memperkasa akidah mereka. Alhamdulillah, 94 program sukses terlakar.

Kelas Muallaf juga dijalankan di seluruh Selangor. Kini ada 4,312 Muallaf yang mengikutinya dengan sejumlah 260 kelas setiap sesi (260 x 3 kali seminggu = 780 kali seminggu). LZS menyediakan dana, digajikan guru yang khusus, termasuk guru Muallaf mobil yang mendatangi Muallaf yang berkeperluan khusus. Muallaf juga diberikan elaun kehadiran. Ada silibusnya dan ada ujiannya bagi mengukur tahap kefahaman mereka.

LZS juga membuka peluang agar Muallaf menonjol ke peringkat lebih tinggi. Bagi yang berbakat, boleh mencuba di arena peringkat kebangsaan. Alhamdulillah, tahun 2019 Muallaf Selangor banyak menjuarai acara. Dalam Mahrajan (Karnival) Muallaf Peringkat Kebangsaan 2019, Muallaf Selangor mendapat johan dalam syarahan lelaki, tempat ketiga syarahan wanita, tempat kedua solat (perlakuan) individu dan johan dalam acara sepak takraw.

Masih banyak yang dilakukan dan sedang dilakukan. Ini semua demi menjamin pembangunan Muallaf yang lestari, lebih berkualiti dan sukses di negeri kita ini. Wallahua'lam.

Edisi




BAGAIMANA MEMELUK ISLAM

Susunan oleh: *Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS*

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEMASA PENDAFTARAN (18 TAHUN KE ATAS)

- Mykad
- Pasport Dan Visa / Pas Sosial (yang masih sah laku)
- Gambar 2 Keping (ukuran pasport)
- Saksi Lelaki Islam (2 orang)



1

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEMASA PENDAFTARAN (18 TAHUN KE BAWAH / KANAK-KANAK)

- Mykad / Sijil Lahir / Mykid
- Pasport dan Visa / Pas Sosial (yang masih sah laku)
- Ibu / Bapa / Penjaga Yang Sah (perlu hadir untuk kebenaran)
- Gambar 2 Keping (ukuran pasport)
- Saksi Lelaki Islam (2 orang)



2

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK MENDAPATKAN GANTIAN KAD PERAKUAN MEMELUK AGAMA ISLAM

- Salinan laporan Polis (hilang, dicuri dan terbakar)
- Membawa bersama kad lama (rosak)
- Gambar (sekiranya perlu)
- Isi borang permohonan



3

Edisi

5 TANGGUNGJAWAB REMAJA MUSLIM

Oleh:

Halim bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)
Pensyarah Jabatan Dakwah & Usuluddin
Fakulti Pengajian Peradaban Islam KUIS



Remaja muslim adalah aset negara yang perlu dibangunkan identitinya sesuai dengan perkembangan dan keperluan negara bertamadun. Kejayaan sesebuah negara di masa hadapan adalah terletak kepada kualiti dan daya tahan generasi remaja dalam memimpin ummah ke arah kejayaan.

Perkembangan semasa remaja mestilah diberi perhatian sebagai satu kepentingan jangka panjang yang diurus dengan baik ke arah melahirkan remaja yang bertanggungjawab kepada Agama, Bangsa dan Negara. Justeru itu 5 tanggungjawab penting yang mesti ditunaikan remaja muslim iaitu:

01

Menghayati Ajaran Islam. Mentauhidkan Allah, tunduk dan patuh kepada perintah dan larangan Allah tanpa bantahan melalui ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Remaja yang beriman dan berpaksikan akidah tidak akan menjadi hamba kepada hawa nafsu. Nilai-nilai keagamaan haruslah disemaikan dan disuburkan dalam diri untuk menjadi hamba Allah yang soleh.

02

Mengikuti Pendidikan Formal. Matlamat pendidikan yang utama adalah untuk membangunkan manusia berdasarkan fitrah dan melahirkan keharmonian diri. Pendidikan ialah satu proses mengembangkan potensi individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

03

Mengamalkan Gaya Hidup Sihat. Ia ditakrifkan sebagai satu amalan kehidupan yang membawa impak positif kepada diri seseorang, keluarga dan masyarakat. Antara contoh kehidupan yang sihat ialah individu tersebut hidup dengan penuh ceria tanpa mengalami sebarang masalah dan tekanan yang boleh menjejaskan kehidupannya.

04

Memiliki Jati Diri Yang Unggul. Ia adalah unsur kehidupan yang mencerminkan lahiriah individu. Memiliki sahsiah yang unggul dan akhlak yang terpuji. Hubungan dengan Allah tidak hanya terikat dengan akidah dan ibadah, bahkan merangkumi akhlak. Ia memberi pengertian hadirnya perasaan manusia terhadap pengawasan Allah SWT dalam setiap perbuatan dan tingkah laku sesama manusia.

05

Merebut Peluang Yang Mendatang. Orang yang berjaya melayan setiap kejadian sebagai peluang, seperti menuntut ilmu, pengalaman, kenalan, pekerjaan, perniagaan dan sebagainya. Tetapi insan yang mundur dan ketinggalan terlalu sensitif dengan peluang yang mendatang.

Elakkan perkara yang menjadi "blok minda" seperti

- | | | |
|---------------------|-----------------|----------------|
| 1. Tidak minat | 2. Takut ditipu | 3. Tidak mampu |
| 4. Takut susah | 5. Takut gagal | 6. Tunggu dulu |
| 7. Tidak ambil tahu | | |

Kesimpulannya 5 tanggungjawab yang disenaraikan adalah sangat penting kepada agen perubahan untuk dicanai menjadi generasi yang beriman dan berilmu. Berusahalah melaksanakan segala tanggungjawab. Jauhi nilai-nilai negatif yang boleh mematikan potensi diri. Ingatlah remaja yang bertanggungjawab adalah pemimpin pada masa hadapan. #remajabaikummahsayang #remajadikasihi. **Edisi**

Bantuan Zakat Kepada Bukan Islam

Susunan oleh: **Hasal bin Senin** (hasal@mais.gov.my)

Pembantu Eksekutif, Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS

Menurut definisi syarak, zakat adalah mengeluarkan harta tertentu dengan kadar tertentu mengikut syarat-syarat tertentu untuk diagihkan kepada golongan tertentu. Persoalannya, bolehkah zakat diberikan kepada bukan Islam? Majalah EDISI MAIS untuk keluaran ini akan berkongsi mengenai bantuan zakat kepada bukan Islam dengan mengambil beberapa pandangan ulama' seperti berikut;

1 Masalah bolehkah bahagian sedekah wajib atau yang dinamakan zakat diberikan kepada bukan Muslim adalah masalah *khilafiyah* (perbezaan pendapat) dalam kalangan *fuqaha* (sarjana fekah). Al-Imam Al-Syafi'i (wafat 204H) berpendapat tidak boleh. Pendapat yang sama dikeluarkan oleh *fuqaha* lain. Pendapat ini beliau sebutkan dalam karyanya yang terkenal Al-Umm, katanya:

"Golongan Muallaf (mereka yang dijinakkan jantung hati) ialah sesiapa yang masuk ke dalam Islam. Tidak diberikan sedekah (zakat) kepada musyrik untuk menjinakkannya dengan Islam. Jika ada yang berkata: Ketika peperangan Hunain, Nabi telah berikannya kepada sebahagian Muallaf dari kalangan musyrikin. (Jawapannya) itu adalah pemberian dari harta fai (harta rampasan), atau dari harta Nabi SAW sendiri. Bukan dari harta zakat". (al-Umm, 2/338. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi).

Pendapat al-Imam al-Syafi'i tersebut telah menjadi pegangan dalam Mazhab al-Syafi'i. Maka, kita dapati tokoh-tokoh dalam mazhab al-Syafi'i akan menegaskan hal yang sama. Berdasarkan asas 'kekufuran' itu menghalang bukan Muslim menerima peruntukan zakat, maka dalam Mazhab al-Syafi'i mereka tidak boleh menerimanya sama ada atas tiket kefakiran ataupun Muallaf.

3 Adapun jika kita melihat pendapat yang lain, sebahagian para *fuqaha* menyatakan mereka boleh menerima zakat atas peruntukan '*al-muallafah qulubuhum*' iaitu yang dijinakkan jantung hati mereka kepada Islam. Ini seperti yang dinaskan oleh al-Quran dalam Surah al-Taubah ayat 60. Peruntukan ini merangkumi mereka yang masih kafir dan yang telah menjadi muslim. Kata al-Imam Ibn Qudamah (wafat 620) :

"Muallaf itu dua bahagian: kuffar dan muslimin yang mana mereka itu pemimpin yang ditaati dalam kaum dan keluarga mereka. Bahagian kuffar ini pula ada dua kelompok; Pertama; orang yang diharapkan dia menganut Islam, maka diberikan zakat agar hasrat keislamannya bertambah dan jiwanya cenderung kepada Islam, lalu dia menjadi Muslim kelompok kedua; orang yang dibimbangi kejahatannya. Diharapkan dengan pemberian kepadanya akan menghalang kejahatannya dan mereka yang bersamanya." (Ibn Qudamah, al-Mughni 9/317. Kaheran: Hijr).

Kesimpulannya; setelah kita meneliti dan menekuni pandangan-pandangan ulama' di atas dan mengambil kira pandangan pihak yang berautoriti di Negeri Selangor seperti Jabatan Mufti Negeri Selangor, maka kita seharusnya akur dengan titah DYMM Sultan Selangor, bahawa agihan kutipan zakat di negeri ini kekal diagihkan kepada lapan golongan asnaf dalam kalangan umat Islam saja. Wallahu a'lam. **Edisi**

KUIH BULAN HALAL

Oleh: **Ahmad Firdaus bin Muhammad** (firdaus@mais.gov.my)
Eksekutif Penyelidikan, MAIS

Kuih bulan sebagai lambang perpaduan masyarakat merupakan signifikan kepada gambaran mudah keadaan kehidupan pelbagai kaum di Malaysia yang harmoni. Dahulunya masyarakat Islam tidak menggemari kuih ini. Malahan jika diberikan secara percuma juga tidak akan ada yang menginginkannya. Tidak seperti buah limau yang diterima masyarakat Islam. Mungkin kerana ia sejenis buah yang tidak perlu dipersoalkan tentang asal usul halal-halalnya. Bahkan ada sebilangan kanak-kanak nakal yang sering mengambilnya di tempat ibadat masyarakat Cina beragama Buddha. Namun tidak kuih bulan. Kerana kanak-kanak faham bahawa ianya suatu makanan yang melalui proses sebelum sempurna sifatnya.

Mengenali Malaysia sebagai sebuah negara dengan identiti nasional yang tersendiri. Mempunyai kepelbagaian latar belakang masyarakat daripada pelbagai bangsa dan etnik. Ini sesuatu yang sangat istimewa yang ada pada negara kita. Dengan pelbagai budaya yang menarik juga pelbagai aneka makanan tradisi.

Perbezaan ini juga diwarnai dengan kepelbagaian agama dan kepercayaan yang ditunjangi oleh perlembagaan Malaysia sebagai asas rujukan. Tiada persengketaan dan perbalahan serta saling hormat menghormati antara agama. Sehingga kepada acara perayaan keagamaan yang disambut juga mendapat ruang dan difahami bersama.



Asimilasi agama juga berlaku. Pertambahan masyarakat yang berbangsa selain Melayu memeluk agama Islam adalah berkembang saban tahun. Situasi ini menatijahkan lagi kepelbagaian jenis-jenis makanan yang lebih banyak pilihan dari segi makanan halal. Oleh demikian, mengambil contoh kuih bulan yang suatu masa dahulunya tidak dimakan oleh masyarakat Islam, kini menjadi kegemaran. Dengan wujudnya generasi baru kaum Cina yang memeluk Islam, maka mereka menceburi bidang pemakanan dengan menghasilkan makanan tradisi kaum Cina yang halal dan toyyiban.

Juga masyarakat India yang tidak kurang hebatnya. Menguasai penjuru-penjuru ruang bangunan kedai dengan kedai makan 24 jam. Mereka menyajikan makanan tradisi yang digemari rakyat Malaysia terutamanya di waktu pagi dan malam. Mereka semua dikenali dengan panggilan muallaf. Mereka masih meneruskan tradisi kaum dan budaya. Cuma bertukar pegangan agama, inilah keindahan Islam. Tidak menyekat dan menghalang. Malah mendorong mereka menghasilkan makanan yang lebih berkualiti dari segi kebersihan bahan asas, penyediaan makanan dan tempat memasak. Halal adalah kewajipan atas setiap orang Islam dan ianya fardhu kifayah. **Edisi**



JOM DAFTAR WAKAF SELANGOR ONLINE!

WSOnline
PORTAL *USER*

- > SEMAK MAKLUMAT SUMBANGAN
- > CETAK PENYATA SUMBANGAN
- > KEMASKINI PROFIL PEWAKAF

Layari
https://fpx.wakafselangor.gov.my/ewo_login.asp

Klik
DAFTAR EWAKAF ONLINE

RESOLUSI SEMINAR ANTARABANGSA MUALLAF

(ICoM 2019) | 23 November 2019 (Sabtu) | Masa 4.30 petang | Hotel Grand BlueWave Shah Alam

Oleh:

Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)

Ketua Jabatan Perunding Kutipan Zakat, LZS

RESOLUSI

01



AKIDAH

Memantapkan akidah para Muallaf di Malaysia dari semua peringkat.

1. Peranan komprehensif oleh agensi-agensi agama secara berperingkat.
2. Menambah peruntukan dana.
3. Memantau keberkesanan pelaksanaan.
4. Penonjolan Muallaf sebagai ikon terbaik dalam konteks dakwah di Malaysia.

RESOLUSI

02



EKONOMI

Memperkasakan potensi Muallaf dalam bidang ekonomi melalui aktiviti keusahawanan.

1. Memberdayakan keupayaan pentadbiran zakat, waqaf dan filantropi yang mantap.
2. Memudahkan urusan permohonan para Muallaf untuk mendapatkan suntikan dana.
3. Menyediakan latihan dan kemahiran keusahawanan kepada asnaf Muallaf.
4. Mempergiatkan usaha promosi dan pengkormersialan produk asnaf Muallaf.
5. Membuat pemantauan keberkesanan keusahawanan Muallaf.

RESOLUSI

03



SOSIAL

Memperkukuhkan hubungan sosial antara Muallaf dan masyarakat.

1. Menyediakan khidmat nasihat dan kaunseling kepada golongan Muallaf.
2. Membudayakan semangat toleransi untuk membina hubungan harmoni.

RESOLUSI

05



PERUNDANGAN

Memperkasakan potensi Muallaf melalui saluran perundangan dan politik

1. Revisi polisi, perundangan dan kerangka peraturan sedia ada (makro dan mikro).
2. Mencadangkan memperketatkan undang-undang dalam urusan keluar Islam.
3. Menghalusi sebab pemelukan Islam untuk menghindari kes pemelukan Islam dengan maksud yang tidak benar.
4. Menyelaraskan perundangan dan fatwa berkaitan Muallaf di seluruh Malaysia.
5. Mencadangkan lantikan wakil Muallaf sebagai senator di Dewan Negara.

RESOLUSI

04



ILMU

Melestarikan pendidikan berterusan bagi melahirkan Muallaf yang berilmu.

1. Menyantuni Muallaf untuk memberi kesedaran kepentingan ilmu dan pendidikan.
2. Membina kurikulum dan kaedah pembelajaran sejajar perkembangan semasa.
3. Menjalankan pengajian secara *on-line* bagi mereka yang sibuk.
4. Menjalankan pemantauan agar pendidikan golongan Muallaf tidak tercicir.
5. Melaksanakan program mentor-mentee membantu Muallaf.
6. Mewujudkan perkongsian pintar antara pelbagai institusi pendidikan. **Edisi**

Komen kes IMA lwn RMN

TUNTUTAN MUTAAH

Penulis: **Siti Zurinah binti Zainal Abidin** (zurinah@mais.gov.my)

Pengurus Kesetiausahaan, MAIS

Sumber: www.jakess.gov.my

Mutaah ialah suatu pembayaran sagu hati yang diberikan oleh bekas suami kepada bekas isterinya selepas mereka bercerai sama ada berupa wang atau pun barang. Sagu hati mutaah ini dikira bayaran yang wajib apabila perceraian itu berlaku bukan disebabkan oleh kesalahan pihak bekas isteri.

Hukum membayar mutaah kepada isteri yang diceraikan adalah wajib berdasarkan firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 241 yang bermaksud “*Bagi perempuan-perempuan yang diceraikan, sagu hati dengan cara yang baik sebagai hak ke atas orang yang bertakwa*”.

Mutaah bertujuan untuk meringankan sedikit beban yang ditanggung oleh bekas isteri akibat diceraikan oleh bekas suaminya.

Faktor yang menggugurkan hak mutaah adalah seperti yang berikut:

- (a) isteri yang nusyuz yang disabitkan oleh mahkamah;
- (b) isteri yang diceraikan sebelum bersetubuh dan mas kahwin disebut dalam akad;
- (c) isteri murtad; dan
- (d) perceraian secara tebus talak.

Kadar dalam pemberian mutaah daripada seorang bekas suami kepada seorang isteri yang diceraikan, boleh diasaskan kepada perkara berikut:

- (a) kemampuan suami;
- (b) status pasangan;
- (c) tempoh perkahwinan;
- (d) pengorbanan isteri.

Kadar mutaah boleh ditentukan melalui persetujuan kedua-dua belah pihak. sekiranya terdapat pertikaian mengenai kadar ini, Mahkamah akan menentukan kadar bayaran mutaah tersebut.

RINGKASAN KES

Kes ini adalah rayuan oleh Perayu (bekas suami) ke atas keseluruhan perintah Hakim Bicara Mahkamah Tinggi Syariah Selangor iaitu mahkamah memerintahkan bekas suami membayar sebanyak RM 39,261.80 sebagai mutaah dan saguhati kepada bekas isteri selepas penceraian.

Perayu (bekas suami) dan Responden (bekas isteri) telah bernikah pada 19 Disember 1981 dan bercerai pada 27 Ogos 2011. Hasil perkahwinan tersebut, pihak-pihak dikurniakan 4 orang anak.

UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 – Seksyen 2 dan 58

AL-QURAN YANG DIRUJUK

1. Surah Al-Baqarah : Ayat 236 dan 241

KEPUTUSAN

1. Rayuan Perayu (bekas suami) diterima;
2. Perintah Mahkamah Tinggi Syariah diubah; dan
3. Perayu diperintahkan untuk membayar mutaah kepada Responden (bekas isteri) sebanyak RM 30,000.00 sahaja. **Edisi**

Susunan oleh: **Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS**

Sumber: hidayahcentre.org.my & facebook.com/IslamicOutreachABIMCentre - IOAC

HIDAYAH CENTRE FOUNDATION (HCF)



Hidayah Centre Foundation (HCF) merupakan sebuah Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGOi) yang telah berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia bertempat Lot 300.3 Lorong Selangor, Pusat Bandar Melawati, 53100 Kuala Lumpur. Hidayah Centre Foundation (HCF) ditubuhkan pada tahun 2012 dan 2016 diterima menganggotai NGOi MAIS.

Objektif penubuhan Hidayah Centre Foundation (HCF) adalah:

1. Menyampaikan mesej islam yang *universal* kepada semua rakyat Malaysia tidak kira kaum dan agama.
2. Menyantuni golongan Muallaf dan memberikan pendidikan berterusan kepada mereka.
3. Menyediakan latihan kesedaran berdakwah kepada masyarakat bukan islam.
4. Membetulkan salah faham masyarakat bukan islam terhadap agama islam.



ISLAMIC OUREACH ABIM CENTRE BERHAD (IOAC)



Islamic Oureach Abim Centre Berhad (IOAC) merupakan sebuah Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGOi) yang telah berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Islamic Oureach Abim Centre Berhad (IOAC) bertempat 39B, Jalan Uranus AJ, U5/AJ Seksyen U5, 40150 Shah Alam. Islamic Oureach Abim Centre Berhad (IOAC) ditubuhkan pada tahun 2014 dan 2016 diterima menganggotai NGOi MAIS.

Objektif penubuhan Islamic Oureach Abim Centre Berhad (IOAC) adalah:

1. Pusat pengislaman dan saluran maklumat kepada masyarakat bukan muslim yang berminat dengan islam.
2. Menyedia kelas-kelas fardu ain dan aktiviti berkala kepada saudara baru.
3. Membantu saudara baru dalam pemahaman islam pada peringkat awal.
4. Membimbing mereka ke arah memahami erti peribadatan yang sebenar.
5. Memberi sokongan moral yang berterusan dalam menjalani kehidupan sebagai saudara baru (Muallaf).
6. Menyedia perkhidmatan kaunseling kepada saudara baru (Muallaf).
7. Menyedia kelas atau kursus perkahwinan kepada saudara baru sebagai persediaan untuk mendirikan rumah tangga (Bahasa Inggeris). **Edisi**



Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi Cik Amirah Addilah binti Mohd Johari, Unit Pembangunan NGO-i, Bahagian Khidmat Pengurusan Sosial, MAIS di talian **03-33614000** atau emelkan kepada jpngoimais@gmail.com

Sumber : **Majlis Agama Islam Selangor**Sumber : **Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor**

Agensi Agama Islam Selangor Dan Anak Syarikat MAIS Akan Bertanding Dalam KESUMAS

SHAH ALAM Februari 2020 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bersama Agensi Agama Islam Selangor dan Anak Syarikat MAIS akan menyertai Kejohanan Sukan MAIS Antara Agensi Agama Islam Selangor dan Anak Syarikat MAIS (KESUMAS) pada tahun ini.

Kejohanan KESUMAS ini membabitkan penglibatan agensi agama Islam Selangor yang terdiri dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS), Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESY) dan Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS) serta turut dimeriahkan dengan penglibatan anak syarikat MAIS. **Edisi**

MAIS Lafaz Ikrar Bebas Rasuah

SHAH ALAM Januari 2020 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) hari ini dalam sejarah kerana buat pertama kalinya menyahut seruan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan mengambil inisiatif untuk menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Majlis tersebut yang membabitkan semua pegawai MAIS, Ketua-ketua Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS. **Edisi**



JAIP Lihat Pengurusan Pendaftaran Muallaf MAIS

SHAH ALAM Januari 2020 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima kunjungan dari Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Perak (JAIP) bertujuan bertukar-tukar maklumat berkaitan pengurusan pengislaman dan pendaftaran muallaf di samping menjalin hubungan silaturrahim antara MAIS dan JAIP. Delegasi lawatan diketuai oleh Ustaz Paizal bin Abdul Rahim, Penolong Pengarah Kanan Dakwah JAIP. **Edisi**

Pelajar Universiti Malaya Lawat JAKESY

SHAH ALAM Februari 2020 – Seramai 47 orang pelajar daripada Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya mengadakan lawatan sambil belajar ke bangunan ibu pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. Lawatan bertujuan bagi melihat sesi perbicaraan yang dijalankan di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah sekali gus membolehkan para pelajar memahami proses dan prosedur yang dijalankan di mahkamah. **Edisi**



Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



Majlis Tilawah Dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Selangor

SHAH ALAM Januari 2020 - Jabatan Agama Islam Selangor telah mengadakan Majlis Tilawah Dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri yang diadakan bermula pada 14hb hingga 17hb Januari 2020 bertempat di Dewan Syarahan & Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam. **Edisi**

Sumber : Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor



Majlis Konvokesyen Pengajian Bersijil Kali Ke-19

SHAH ALAM Februari 2020 - Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz telah menganjurkan satu Majlis Konvokesyen Pengajian Bersijil Kali Ke-19 Sesi 2019 di Hotel Concorde, Shah Alam. Majlis yang bermula pada jam 9.30 pagi telah dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan Mohd Zawawi Bin Ahmad Mughni, Pembantu Pengerusi Tetap Hal Ehwal Islam Negeri Selangor mewakili YAB Dato' Menteri Besar Selangor hadir merasmikan majlis konvokesyen pada kali ini seterusnya menyampaikan sijil kepada para graduan yang berjaya menamatkan pengajian. **Edisi**

Majlis Penyerahan Mock Up Cek Sumbangan Peruntukan Lif Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

SHAH ALAM Januari 2020 - DYTM Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan menerima *mock up* cek bagi pihak Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam berjumlah RM800,000 untuk kos penggantian dua buah lif di masjid berkenaan.

Kos berkenaan diperuntukan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menyampaikan sendiri *mock up* check berkenaan kepada DYTM Selangor Tengku Amir Shah. **Edisi**



Majlis Menandatangani MoU Antara KUIS Dengan KPBKL

KUALA LUMPUR Januari 2020 - YBhg. Puan Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) hari ini.

Dengan termeterainya memorandum ini, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) akan mengadakan kerjasama dalam beberapa bidang, di antaranya adalah peluang dan kemudahan kepada tenaga pelajar, alumni serta pelajar KPBKL untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi di KUIS seperti Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah. MoU ini juga melibatkan perkongsian fasiliti KUIS seperti penggunaan Perpustakaan Imam Al-Syafi'i, KUIS kepada staf dan pelajar KPBKL agar dapat menggunakan bahan rujukan di perpustakaan tersebut untuk pengajaran dan pembelajaran (P&P). **Edisi**



Sumber : Lembaga Zakat Selangor



Maklum Balas Adik Muhammad Adam

SHAH ALAM Januari 2020 – Berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh pada 27 Januari 2020, LZS segera menziarahi keluarga itu baru-baru ini. Hasil siasatan mendapati keluarga tersebut layak didaftarkan sebagai asnaf miskin.

Untuk permulaan, LZS akan menyantuni keluarga ini dengan bantuan kewangan bulanan. LZS turut akan membantu pembelian bantuan alat pendengaran Muhammad Adam, yang pada masa ini dipinjam dari Hospital Sungai Buloh bernilai RM8,000.00.

Berkaitan dengan pembedahan implan telinga yang dianggarkan berjumlah RM20,000.00, LZS akan menyalurkan bantuan tersebut setelah mendapat pengesahan hospital. Manakala bantuan lain akan disalurkan berdasarkan kepada keperluan keluarga ini dari semasa ke semasa bergantung kepada syarat dan kelayakan. **Edisi**


Tunai Zakat Kini Lebih Mudah Guna E-Dompot

SHAH ALAM Januari 2020 – Masyarakat Islam kini lebih mudah menunaikan zakat apabila Lembaga Zakat Selangor (LZS) menawarkan pembayaran zakat melalui aplikasi e-dompot GoPayz yang dibangunkan oleh U Mobile.

Menerusi aplikasi ini, pengeluar zakat boleh menunaikan ibadah zakat harta seperti pendapatan, zakat perniagaan, zakat simpanan dan sebagainya serta zakat fitrah tanpa had kepada LZS pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Para pelanggan hanya perlu mengikuti lima langkah mudah untuk membuat pembayaran zakat di GoPayz iaitu:

- **Langkah 1:** Daftar masuk aplikasi GoPayz (www.gopayz.com.my)
- **Langkah 2:** Tekan Services > Islamic > Zakat > Lembaga Zakat Selangor
- **Langkah 3:** Lengkapkan butiran/maklumat yang diminta
- **Langkah 4:** Anda akan dibawa ke laman "Lafaz Niat Bayar Zakat" & Sila tekan "Terus Bayaran"
- **Langkah 5:** Pilih Cara pembayaran untuk melengkapkan transaksi. **Edisi**



Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



YIDE Bantu Keluarga Mangsa Ribut Batu 7 Jalan Kebun

SHAH ALAM Februari 2020 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) turun padang membantu 7 keluarga yang ditimpa musibah ribut petang semalam. Kunjungan YIDE yang diketuai oleh Md. Ariffin bin Jaafar, Pengurus Operasi YIDE ke Jalan Kebun disambut oleh Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni ADUN Sungai Kandis merangkap Pembantu Pengerusi Jawatankuasa Tetap (EXCO) Hal Ehwal Islam Negeri Selangor dan juga Ahli Anggota Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Sumbangan yang disampaikan oleh YIDE kepada 7 buah keluarga berbentuk barang keperluan asas dan wang tunai. **Edisi**



SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI KEDUA PULUH SATU)

اوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن
منشي ديوان (جاوي)

KAEDAH PENULISAN JAWI PADA PERKATAAN KATA JATI MELAYU. HUKUM A-HA

Pada minggu ini kita berbicara tajuk hukum “a-ha”. Hukum “a-ha” ialah gabungan dua suku kata, yang mana suku kata pertama suku kata terbuka pola “a” dan suku kata kedua suku kata terbuka berbunyi “ha”.

Contoh hukum “a-ha” ialah :

	Suku kata pertama pola “a”	Suku kata kedua berawalan bunyi ha	Kaedah ejaan pola “a” pada suku kata pertama di gugurkan.	Ejaan jawi
	pa	ha	Pa ha	قها
	ma	ha	Ma ha	مها
u	sa	ha	Usa ha	اوسها


Kaedah penulisannya, hendaklah digugurkan alif pada suku kata pertama yang berpola “a”.

Ketiga-tiga contoh di atas adalah contoh yang masyhur bagi hukum ini. Namun terdapat contoh lain yang khalayak jawi mengkategorikan ianya termasuk dalam bab ini. Meskipun ada pendapat mengatakan contoh berikut tergolong dalam “hukum tiga suku kata”. Contoh itu ialah :

Suku kata pertama pola “a”	Suku kata kedua berawalan bunyi ha	Suku kata ketiga	Kaedah ejaan pola “a” pada suku kata pertama di gugurkan.	Ejaan jawi
da	ha	ga	Dah ga	دهاڠ
ba	ha	wa	Bah wa	بهاوا
ba	ha	gia	Bah gia	بهاڠيا

TEKA SILANG KATA JAWI (SIRI 1)

Disediakan oleh: Ustaz Hamizul Abdul Hamid



Arahan:

- Sila isikan huruf jawi yang sesuai di dalam petak berwarna putih sahaja. Abaikan semua petak yang berwarna.
- Nombor 1 hingga 5 adalah untuk teka silangkata melintang.
- Huruf A hingga E adalah untuk teka silangkata menegak.
- Huruf (لا) hendaklah dieja berasingan antara (ل) dan (ا).

Melintang Dari Kanan ke Kiri (1-5):

- Orang yang _____ selalunya disayangi Allah SWT.
- Ibu _____ Malaysia ialah Kuala Lumpur.
- Sifat _____ adalah cerminan orang yang beriman.
- Bila sudah diakad nikah oleh Tok Kadi, maka saksi-saksi pun akan berkata _____
- Rebutlah lima waktu sebelum datangnya lima _____

Menegak Dari Kanan ke Kiri (A-E):

- Waktu solat yang paling kritikal ialah di waktu _____
- Jika tidak _____ maka bertanyalah agar tahu.
- Jangan hisap _____ di restoran, nanti kena denda.
- Mata keris selalunya berkeluk-keluk dan ia dikenali sebagai _____
- Muara sungai yang bertemu lau juga dikenali sebagai _____

* Untuk semakan jawapan, hantarkan keratan ke emel pro@mais.gov.my.
Kumpulkan Siri Teka Silang Kata Jawi sehingga Bil. 4/2020 untuk memenangi hadiah misteri.

BAIT AL-HASANAH: KEJAYAAN ASNAF DALAM ASIAN YOUTH INNOVATION AWARD (AYIA) 2020

Disusun oleh:
Sumber:

Bahagian Komunikasi Korporat MAIS
www.zakatselangor.com.my

Bait Al-Hasanah merupakan salah sebuah Institusi Pembangunan Asnaf di bawah Lembaga Zakat Selangor (LZS). Sehingga kini Baitul al-Hasanah telah menempatkan seramai 160 orang pelajar asnaf fakir dan miskin dari seluruh Negeri Selangor. Penubuhan Baitul ini adalah bagi membantu anak-anak asnaf fakir miskin berjaya dalam pelajaran dengan menyediakan suasana yang kondusif untuk belajar.

Baru-baru ini pelajar dari Bait Al-Hasanah mewakili LZS dalam *Asian Youth Innovation Award* (AYIA) 2020 telah dinobatkan sebagai penerima pingat *The Best Award* sempena Malaysia Technology Expo 2020. Expo ini berlangsung selama tiga hari bermula 20 hingga 22 Februari 2020 telah melihatkan ramai penyertaan daripada syarikat swasta.

Selain itu, pelajar dari Bait Al-Hasanah ini juga menerima Anugerah Emas dalam Expo tersebut dengan mengetengahkan produk inovasi mereka iaitu produk makanan kucing organik. Produk ini menggabungkan inovasi seperti *resterlize*, *reduce*, *reuse* dan *recycle* berjaya menghasilkan makanan yang berkhasiat secara organik. Produk ini mendapat perhatian para juri AYIA 2020.

Pelajar-pelajar dari Bait Al-Hasanah ini diwakili oleh Nurul Iman Mohd Sahri, Siti Ayu Shahida Mohd Noordin, Nur Wahida Mat Ariffin, Laila Azwa Yuzelan dan Siti Nur Zulaikha Mohd Nawan turut menerima pingat Emas

(*manufacturing process & advance material*) bagi kategori bawah 25 tahun. Tahniah kepada pelajar-pelajar Baitul al Hasanah. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin untuk melahirkan generasi kedua, generasi yang cemerlang.

Pencapaian ini menunjukkan LZS komited dalam pembangunan Pendidikan anak-anak asnaf di Negeri Selangor. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh LZS dalam memastikan Pendidikan serta pembelajaran kepada anak-anak asnaf fakir miskin terus dipertingkatkan selaras dengan perkembangan semasa. **Edisi**



SOAL JAWAB:

1. STATUS PENDAPATAN TIDAK PATUH SYARIAH

Assalamualaikum Tuan,

Saya bekerja di sebuah syarikat logistik-import/eksport barang. Baru-baru ini saya mendengar cerita dari rakan saya bahawa syarikat ada membuat penghantaran untuk pelanggan kami dari Genting. Barang yang dihantar menggunakan servis penghantaran kami ialah mesin judi. Penghantaran yang dibuat ke Genting hanya pada musim tertentu sahaja. Kebanyakan 'shipment' yang dibuat adalah dari pelbagai jenis barang seperti buah-buahan, bunga, baju, kasut dan sebagainya.

Persoalan saya, adakah sumber pendapatan saya perlu diasingkan untuk diberikan ke Baitulmal setiap bulan? Jika ya, berapa peratus yang saya perlu asingkan dari pendapatan saya?

Terima kasih.

Nur Kaamilah binti Sulaiman

Jawapan:

Terima kasih di atas soalan yang diberikan.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Wahai orang beriman! Sesungguhnya meminum khamar (arak), berjudi, menyembah berhala dan mengundi nasib dengan anak panah adalah perbuatan syaitan. Maka jauhilah (perbuatan) itu agar kamu menjadi orang yang berjaya."* (Al-Maidah: 90)

Pada pandangan kami, sekiranya syarikat penghantaran iaitu tempat di mana pihak puan bekerja tersebut adalah syarikat Muslim, maka perlu elak dan jauhi daripada bertransaksi dengan perkara-perkara yang haram (arak, judi, riba, berhala dan seumpamanya).

Sekiranya perkara tersebut 'tidak mampu' dielakkan, maka hasil bayaran bagi penghantaran perkara yang haram tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal. Walau bagaimanapun, syarikat seboleh-bolehnya hendaklah beriltizam untuk terus menjauhi sebarang urusan yang syubhah dan haram.

Namun, sekiranya syarikat penghantaran tersebut adalah syarikat bukan Islam dan kita tidak dapat menentukan berapakah kadar urusan yang haram dalam syarikat, maka hukumnya adalah makruh.

Pihak kami juga mencadangkan agar carilah pekerjaan yang tiada sebarang syubhah kerana ia bersifat lebih aman dan tenang jiwa. Sabda Nabi SAW yang bermaksud: *"Barangsiapa yang memelihara dirinya daripada sebarang syubhah maka sebenarnya dia telah menyelamatkan agama dan maruahnyanya."* (Riwayat al-Bukhari)

Sekian, Wallahu a'lam.

Susunan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS

2. PEMULANGAN WANG SAHAM DAN YURAN KOPERASI SI MATI

Assalamualaikum wbt.

Sukacita saya merujuk kepada perkara diatas.

Adalah dimaklumkan bahawa saya mewakili sebuah koperasi ingin mendapatkan pencerahan dan khidmat nasihat berhubung dengan pemulangan wang saham dan yuran anggota yang telah meninggal dunia yang mana si mati gagal menamakan pewaris untuk pihak kami keluarkan baki wang tersebut kepada pewarisnya (balu).

Untuk pengetahuan pihak tuan pihak kami menemui jalan buntu apabila dapat ketahui bahawa simati telah meninggalkan pewaris melalui 3 orang isteri/bekas isteri yang mana ketiga-tiga wakil pewaris berkenaan gagal menampilkan diri mereka untuk membuat tuntutan atau membawa surat kuasa wakil bagi menuntut hak dalam pembahagian pusaka berkenaan. Pihak kami telah cuba menghubungi para pewaris berkenaan melalui surat tetapi gagal mendapat tindak balas daripada mereka semua.

Oleh kerana itu harta peninggalan simati telah terhalang dan beku di dalam simpanan kami untuk tempoh lebih daripada 1 tahun. Pihak kami ingin mendapat pandangan nasihat pihak tuan berhubung dengan isu di atas.

Sekian dan terima kasih.

Zulkifli bin Mahmood


Jawapan:

Terima kasih di atas persoalan yang diajukan kepada pihak kami.

Sekiranya baki saham dan wang anggota koperasi tidak dituntut oleh waris-warisan selepas kematian, maka ia dikategorikan sebagai wang tak dituntut. Pengendalian wang tak dituntut di negara ini adalah tertakluk di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 yang mana semua institusi hendaklah menyerahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut di Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Sekiranya pihak koperasi sememangnya sering atau pernah menyalurkan wang tak dituntut kepada pihak Pendaftar Wang Tak Dituntut, maka sebaiknya salurkan wang tersebut kepada pihak mereka.

Namun, sekiranya koperasi tidak pernah menghadapi situasi ini, pihak kami mencadangkan supaya wang tersebut diserahkan kepada Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor.

Penyaluran wang tak dituntut oleh umat Islam negeri Selangor boleh dibuat kepada pihak kami melalui Bahagian Harta Baitulmal, Ting. 9 & 10 Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. **Edisi**



Jika ada lima, saya berikan 4.5 bintang. Bahasanya sangat mengalir. Unsur humor yang hidup. Lebih utama, novel ini bukan sekadar ilusi. Apalagi fantasi. Ia adalah kisah realiti. Juga menjawab satu dongeng: adakah benar, kemiskinan itu berkadar langsung dengan kebodohan?

Hakikatnya, adalah kenaifan. Orang miskin, diistilahkan kaum marginal, sering tersudut. Terasa dipinggirkan. Rendah diri. Tidak bermotivasi. Lalu reda dengan takdir. Inilah momokan kemiskinan. Apatah lagi novel ini berlatar belakangkan Indonesia. Negara besar dengan rakyat ratusan juta tersebar. Ya, di kira-kira 15,000 buah pulau. Kemiskinan bukanlah khayalan.

Saya sering terfikir, kenapa penulis Indonesia apabila menulis tentang kemiskinan, selalu menjadi 'real'. Bagaikan 'lukisan hidup'. Hakikatnya wajah kemiskinan memang amat membekas di negara majoriti Muslim terbesar dunia itu. Kembali ke buku. Ya, novel ini masih sangat baharu. Istilahnya, hangat bagai baharu keluar dari ketuhar. Penulisnya bukan mainan. Andrea Hirata. Satu nama cukup besar, di Indonesia dan sudah mendunia. Bukunya, Laskar Pelangi menjadi bualan para motivator khususnya dalam dunia pendidikan. Novel *Laskar Pelangi* telah diterjemahkan ke 25 bahasa dan diedarkan ke 130 buah negara. Luar biasa bukan?!

Guru Aini mempunyai dua watak utama. Pertama, Guru Desi, anak juragan toko yang pintar matematik. Terinspirasi untuk mencerdaskan anak bangsa. Umumnya, anak-anak Melayu (Andrea Hirata memang lahir di Kepulauan Bangka Belitung, Sumatera dari ras Melayu), memang lemah matematik. Apa

Judul Buku: Guru Aini; Pengarang: Andrea Hirata; Penerbit: Penerbit Bentang Indonesia; Cetakan: Februari 2020; Tebal buku: 293 halaman; Harga buku: IDR99,000 (RM30); Pengulas: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid.

sahaja mata pelajaran yang ada elemen berhitung, maka otak anak Melayu selalu layu.

Desi Istiqomah (begitulah namanya), seorang anak gadis cerdas, lagi jelita. Dia menjadi lulusan nombor satu di institut perguruanannya. Guru Desi bisa memilih untuk mengajar di kota. Itu ganjaran bagi lulusan nombor satu. Dia enggan. Lalu merelakan dirinya diundi. Dipendekkan kisah, dia tercampak ke sebuah desa. Nun jauh di pelosok kampung yang tidak dikenali. Kampung Ketumbi, Pulau Tanjong Gambar. Berdekatan dengan perairan Selat Melaka.

Demikianlah perjuangan para guru di Indonesia. Negaranya beribu kali ganda lebih besar dari Malaysia. Bayangkan, Sabah dan Sarawak pun bisa membuat anak-anak Semenanjung menciut. Bagaimana jika tercampak ke Papua?

Di desa itulah muncul tokoh penting kedua. Aini namanya. Anak kampung yang amat ngeri berdepan dengan angka dan formula. Aini yang perutnya sering memulas, apabila kalimah matematik melintas. Aini yang sering menderita dimarahi guru kerana kebodohan mengiranya. Anak kampung yang digambarkan amat kelam masa depannya. Itulah Aini. Dia dan beberapa temannya membentuk trio, yang sering mencipta nuansa jenaka di dalam novel ini.

Namun di sebalik itu, terpapar pelbagai cerita. Kisah Aini anak miskin. Ayahnya terdampar sakit. Lalu doktor yang merawat memberitahu. "Ayahmu hanya bisa disembuhkan oleh perubatan moden." Tabib kampung juga bilang begitu. Aini jadi tersengat motivasi. Dia mahu jadi doktor. Untuk jadi doktor, dia wajib pintar matematik.

Dari situ dia bingkas. Berlari. Menuju Guru Desi yang terkenal garangnya minta ampun. Niatnya hanya satu: mahu belajar matematik dari Guru Desi.

Ini adalah ironis. Guru Desi semulanya menolak. Lantaran kebodohan Aini yang tiada ampunnya. Namun, ketegaran hati remaja di usia 16 tahun, melenturkan kedegilan apa pun. Di sanalah, Andrea Hirata seolah-olah mahu berbicara: kebodohan bukan noktah, ada jalan keluarnya – kemahuan!

Aini juga digambarkan anak orang miskin. Ibunya menggalas beban. Berjualan mainan anak kecil. Bergantian dengan Aini. Rumah kontrakan mereka juga kecil. Namun, sekali lagi. Andrea Hirata mahu berbicara: semangat yang besar bisa lahir di rumah yang amat sederhana dan sekecil apa pun.

Lalu, bagaimanakah Guru Desi yang garangnya minta ampun, menemukan jalannya? Bagaimanakah si Aini yang minta maaf, bodohnya juga minta ampun, menemukan pintu ajaibnya? Saya terus mencicipi naskah ini dengan penuh minat.

Natijahnya banyak. Antaranya, yakinlah bahawa kebodohan bukan warisan. Kejayaan bukan milik anak kota. Bukan juga milik anak orang kaya. Intinya: mahu. Guru harus sentiasa sabar. Juga pintar mencari cara. Kuncinya: tidak jemu. Kala keduanya bertemu, dengan izin Allah, si anak muridnya akan melesat naik ke udara. Bagaikan sang roket yang gagah membelah angkasa raya! **Edisi**

Imam Muslim Bin Hajjaj

Anak Murid Al-Bukhari Yang Gemilang

Susunan oleh: **Mohd Hafiz bin Abdul Salam** (hafizsalam@mais.gov.my)

Pengurus Penyelidikan, MAIS

Sumber: **Ilmuan Islam (2014)**

Imam muslim merupakan salah seorang daripada imam dalam bidang hadis yang terkenal. Nama beliau adalah Abu Al-Husin Muslim bin Al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi al-Naisaburi. Al-Qusyairi adalah nisbah kepada nenek moyangnya Qusyair bin Ka'ab bin Amr bin Sa'sa'ah sebuah keluarga bangsawan Arab. Beliau juga dinisbahkan dengan al-Naisaburi pula adalah tempat beliau dilahirkan iaitu salah sebuah bandar di Khurasan (Utara Iran).

Imam Muslim dilahirkan di Naisabur pada tahun 204 Hijrah menurut pendapat yang sahih, seperti pendapat al-Zahabi dan Ibnu Kathir. Walau bagaimanapun terdapat juga pendapat yang mengatakan beliau dilahirkan pada 206 Hijrah iaitu ketika pemerintahan Khalifah al-Makmun. Pada ketika itu, beliau juga adalah seorang peniaga yang terkenal dengan sifat pemurah dan berakhlak mulia. Beliau juga merupakan hartawan yang terkenal di Naisabur.

SAHSIAH IMAM MUSLIM

Beliau dikenali sebagai seorang yang tampan, rambut dan janggutnya putih, sentiasa memakai serban hingga kedua bahunya. Sebahagian lagi mengatakan bahawa beliau adalah seorang guru yang mempunyai rambut dan janggut yang putih, berwajah tampan, sentiasa berpakaian kemas dan sentiasa memakai serban. Imam Muslim juga dikenali sebagai seorang yang berilmu, benar dan menepati janji serta berakhlak mulia.

PENCARIAN ILMU

Imam Muslim seorang yang rajin menuntut ilmu, ditambah dengan kecerdasan yang luar biasa, kemahuan yang tinggi dan ketekunan yang mengagumkan. Beliau dikatakan telah menghafaz al-Quran dan ribuan hadis serta sanadnya sejak kecil. Beliau mula mendengar hadis ketika berumur 12 tahun, manakala menurut Imam al-Zahabi beliau mula-mula mendengar hadis pada ketika berumur 18 tahun iaitu apabila beliau mendengar hadis daripada Yahya bin Yahya al-Tamimi. Menunaikan haji ketika berumur 20 tahun yang mengambil hadis daripada al-Qa'nabi dan Ahmad bin Yunus serta jemaahnya di Kufah.

Seperti mana Imam Bukhari, Imam Muslim juga banyak mengembara ke beberapa negeri untuk mencari hadis dan berguru dengan ulama-ulama ternama di Iraq, Hijjaz, Sham dan Mesir.

KANDUNGAN SAHIH MUSLIM

Kitab karangan Imam Muslim ini mengadungi hadis-hadis Rasulullah yang telah diletakkan sebagai Kitab Sahih kedua selepas Kitab Sahih al-Bukhari. Ketika menyusun kitab ini, Imam Muslim telah menyaring sebanyak 300,000 hadis yang beliau hafal hingga tinggal 4000 hadis sahaja yang tidak berulang mengikut pendapat al-Nawawi, manakala mengikut Muhammad Fuad al-Baqi sebanyak 3030 buah hadis. Sekiranya diambil semua jumlah hadis termasuk hadis yang berulang-ulang terdapat 7275 hadis yang Berjaya disusun oleh beliau. Ada pendapat pula mengatakan 12000 hadis dan juga ada yang berpendapat sebanyak 7581 buah hadis.

Penyusunan kitab ini mengambil masa selama 15 tahun berdasarkan kepada kata-kata Ahmad bin Salamah iaitu salah seorang daripada murid Imam Muslim : "Aku menulis bersama Imam Muslim kitab sahihnya selama 15 tahun". Mahmud Fakhuri berpendapat bahawa Imam Muslim mula menulis pada tahun 235H ketika berumur 25 tahun dan tamat menulis pada tahun 250H.

Semua hadis dalam kitab ini adalah sahih, disampaikan menerusi perawi yang berkait hingga sampai kepada Rasulullah S.A.W dan semua perawi terdiri daripada orang yang dipercayai serta bersifat takwa dan amanah. Imam Muslim berkata : "Aku kumpulkan didalam kitab ini hadis-hadis yang sahih tetapi aku tidak mengatakan bahawa hadis-hadis yang tidak termasuk dalam kitab ini adalah daif". Imam Muslim juga begitu berhati-hati dalam penyusunan kitab ini



sehingga tidak ada satu hadis yang dimasukkan dalam kitab ini yang tidak jelas kedudukannya. Ibnu al-Sharqi mendengar Imam Muslim berkata: "Tidak ada satu hadis yang dimasukkan dalam kitab ini melainkan ada hujah dan tidak ada satu pun yang digugurkan daripada kitab ini melainkan ada hujah".

PANDANGAN ULAMA MENGENAI SAHIH MUSLIM

- Menurut **Imam Nawawi**, ulama sepakat bahawa kitab yang paling sahih selepas al-Quran adalah Sahih Al-Bukhari dan Sahih Muslim. Beliau juga mengatakan bahawa Imam Muslim telah memilih jalan dan cara yang sangat teliti untuk sahihnya.
- Umar bin Salah** pula mengatakan bahawa semua hadis yang ditetapkan oleh Muslim pasti benar dan tidak boleh dipertikaikan.
- Abu Ali al-Husin bin Ali al-Naisaburi** berkata: "Tidak ada diatas muka bumi ini kitab dalam bidang ilmu hadis yang lebih sahih daripada Muslim bin Hajjaj". **Edisi**

Sumber : Ilmuan Islam (2014)

Bantuan Guaman Syarie & Nasihat Perundangan Syariah

A. KHIDMAT BANTUAN GUAMAN SYARIE

1. Orang Awam

(a) Permohonan melalui MAIS

Jenis Kes yang diberikan khidmat bantuan guaman:

- | | |
|--------------------------------------|---|
| (i) Tuntutan pengesahan lafaz cerai | (viii) Permohonan wali hakim/am |
| (ii) Permohonan pengesahan ruju' | (ix) Permohonan wali enggan/engkar |
| (iii) Tuntutan penceraian | (x) Permohonan faraq nikah |
| (iv) Tuntutan fasakh' | (xi) Pengesahan nikah |
| (v) Tuntutan pengesahan cerai takliq | (xii) Permohonan pengesahantarafan anak |
| (vi) Tuntutan khuluk/tebus talaq | (xiii) Permohonan/ tuntutan kebenaran poligami (bagi defendan sahaja) |
| (vii) Tuntutan sabitan nusyuz | |

Syarat-syarat kelayakan:

- Warganegara Malaysia
- Bermastautin dalam Negeri Selangor
- Memperolehi pendapatan kasar tidak melebihi RM1,500.00 sebulan
- Mengisi lengkap borang permohonan yang disediakan
- Lulus temuduga penilaian kewajaran kes

(b) Permohonan melalui Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor ('SBSK, JAKESS')

Jenis kes yang diberikan khidmat bantuan guaman:

- (i) Kes pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah anak sahaja

Syarat-syarat kelayakan:

- Warganegara Malaysia
- Bermastautin dalam Negeri Selangor
- Mempunyai pendapatan kasar tidak melebihi RM4,000.00 sebulan
- Mengisi lengkap borang permohonan yang disediakan
- Mendapat sokongan daripada SBSK, JAKESS
- Lulus temuduga penilaian kewajaran kes

2. Mualaf

Jenis kes yang diberikan khidmat bantuan guaman:

- (i) Permohonan perisytiharan pembubaran perkahwinan sebab pertukaran agama
- (ii) Semua kes kekeluargaan di Mahkamah Syariah

Syarat-syarat kelayakan:

- Warganegara Malaysia
- Bermastautin dalam Negeri Selangor
- Tidak melebihi tempoh 5 tahun dari tarikh pemelukkan dari tarikh pemelukkan Islam (kecuali kes pembubaran perkahwinan)
- Mengisi lengkap borang permohonan yang disediakan
- Lulus temuduga penilaian kewajaran kes

Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi Unit Syariah, Bahagian Undang-Undang, Majlis Agama Islam Selangor, Tingkat 6, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam, Selangor

Tel: 03-5514 3643 Fax: 03-5512 7202

ايسيس

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

• PENCETUS MINDA GENERASI •

BAIT AL-HASANAH:
**KEJAYAAN ASNAF
DALAM ASIAN YOUTH
INNOVATION AWARD
(AYIA) 2020**

LIHAT MUKA SURAT **15**



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الكلية الإسلامية العالمية
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR
(DKU002(B))

JOM MASUK KUIS

ASASI | DIPLOMA | SARJANA MUDA | SARJANA | PhD

TERUSKAN KECEMERLANGAN ANDA DI KUIS

www.kuis.edu.my

☎ 03 - 8911 7016 ☎ 019 - 389 6937

MOHON SEKARANG
Sepenuh Masa/ Separuh Masa



LEMBAGA
ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

PERMOHONAN BANTUAN DERMASISWA PENGHAJIAN TINGGI SECARA ONLINE

DI PORTAL PENDIDIKAN
LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS)
<https://pendidikan.zakatselangor.com.my>

